

25 MAY 2003

Mahathir-Rombakan

ROMBAKAN KABINET DIPERTIMBANGKAN EKORAN PERUBAHAN DALAM MCA

LANGKAWI, 25 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau akan menimbang membuat rombakan kabinet berikutan perubahan yang berlaku dalam pucuk pimpinan MCA.

Perdana Menteri berkata beliau perlu melihat dengan lebih mendalam perkara itu dan akan mengumumkannya bila keputusan telah dibuat.

Dr Mahathir, yang ditemui di Dataran Lang di sini selepas majlis menyambut ketibaan Abdul Malik Mydin yang berenang 48km dari Kuala Perlis ke Langkawi hari ini, diminta mengulas sama ada beliau akan membuat perubahan dalam jemaah menteri berikutan peletakan jawatan Menteri Pengangkutan Datuk Seri Ling Liong Sik sebagai Presiden MCA dua hari lepas.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Ong Ka Ting dipilih oleh jawatankuasa kerja MCA sebagai penggantinya manakala Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Chan Kong Choy, mengisi jawatan Timbalan Presiden, yang dikosongkan oleh Datuk Seri Lim Ah Lek pada hari yang sama.

Akhbar semalam melaporkan bahawa Ling menyerahkan kedudukannya dalam kabinet kepada Perdana Menteri.

Ditanya mengenai pertemuannya dengan Ong di Langkawi hari ini, Dr Mahathir berkata Presiden MCA yang baru itu datang untuk mengucapkan terima kasih.

"Dia berjumpa saya untuk mengucapkan terima kasih kerana saya menerima kepimpinan beliau dalam MCA," katanya.

Kepada satu soalan, Perdana Menteri berkata beliau menyerahkan tanggungjawab kepimpinan MCA yang baru untuk mencari jalan menamatkan krisis Team A dan Team B dalam parti itu.

-- BERNAMA

MZM MAI